

# INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



# Manfaat Media Sosial dalam Ketengahkan Bakat Seni Lukis untuk Usahawan Seni



Maisarah Ishak<sup>1</sup>, Hazrul Hisham Ghazali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA PAHANG, Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang.

<sup>2</sup>Malaysia-Japan International Institute of Technology, Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.

\*Koresponden: maisarahishak@uitm.edu.my


Tema artikel: Profil Usahawan

Bakat merupakan kebolehan atau kepandaian yang dimiliki oleh seorang individu sejak dari lahir. Salah satu jenis bakat adalah bakat relasi ruang atau turut dikenali sebagai seni lukis. Ia merujuk kepada bakat seseorang dalam menghasilkan lukisan yang menarik dan memiliki mesej tersendiri untuk disampaikan. Hasil seni lukis setiap individu adalah bersifat abstrak pada bentuk dan nilainya menyebabkan hasil ini sukar untuk diterjemahkan kepada nilai wang ringgit. Kini, dengan arus perkembangan teknologi dan penggunaan media sosial, karya oleh para pelukis semakin mendapat sambutan dari seluruh pelusuk dunia.

Melalui platform media sosial, peminat karya seni lukis lebih mudah mendapatkan hasil karya yang diminati. Karya sebegini menjadi perhatian mereka bukan sahaja untuk memilikinya, malah ada segelintir individu turut berkeinginan untuk mempelajari teknik bagi menghasilkannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga peminat karya seni lukis yang sekadar menjadi penonton dan penyumbang tanda suka untuk sesebuah gambar atau video sekaligus membantu pelukis menerima bayaran daripada pemilik platform media sosial seperti Facebook, Instagram atau YouTube. Beberapa penggiat seni lukis seperti Ammamijan dan Rina Ramly telah membuktikan bahawa karya seni lukis ini mempunyai peminat mereka yang tersendiri dan terdiri daripada pelbagai peringkat usia.


Amamijan merupakan seorang pelukis yang dikenali menerusi media sosial dengan hasil karyanya yang tertumpu kepada karakter anime dari pelbagai jenis komik. Beliau banyak berkongsi kaedah menghasilkan karya seni lukis karakter anime yang mudah, ringkas dan menarik di platform media sosial. Beliau lebih dikenali oleh pengguna di YouTube berbanding platform yang lain kerana melalui saluran Youtube, beliau banyak berkongsi ilmu dan kemahiran berkaitan kaedah melukis menggunakan teknik yang betul. Selain itu, beliau juga membuat perkongsian berkaitan pemilihan jenis berus, kertas, warna, pen dan pensil yang tepat bagi menghasilkan lukisan yang menarik. Akaun milik beliau ini telah mencapai jumlah *subscribers* seramai lebih 250 ribu orang dan dengan jumlah tontonan video yang dihasilkannya sebanyak 5 juta tontonan. Amamijan yang mula menyertai Youtube pada 25 Julai 2019, kini mampu menarik *subscribers* dan tontonan yang begitu tinggi dalam tempoh sekitar 2 tahun.

Hantaran video yang dihasilkan banyak memberi ilmu baru kepada individu yang ingin mempelajari teknik melukis dengan betul. Malah, ilmu berkaitan peralatan dan bahan-bahan melukis juga sangat membantu para pengikutnya untuk mengasah bakat melukis dengan lebih baik. Hantaran video yang mendapat tontonan tertinggi dihasilkan oleh Amamijan adalah video melukis karakter Obito dari siri Naruto menggunakan teknik melukis anatomi yang betul. Video yang mencapai 421 ribu tontonan ini turut berkongsi ilmu pengetahuan tentang jenis dan saiz pensel dan teknik lorekan yang digunakan bagi mendapatkan lukisan yang lebih kemas.



Sumber: Youtube Amamijan

Selain itu, terdapat juga karyawan yang mengendalikan akaun media sosial secara tertutup dan menggunakan strategi yang berbeza dalam menonjolkan bakat seni lukis mereka. Pemilik akaun Facebook Rina Ramly, merupakan seorang pelukis yang menumpukan karyanya kepada lukisan bunga menggunakan warna air. Beliau sangat berbakat dalam menghasilkan lukisan pelbagai jenis bunga seperti bunga ros, orkid, bunga kertas, dan tulip. Selain daripada akaun peribadinya, Puan Rina turut berkongsi hasil seni lukisnya di Facebook Artsbyrina yang mengumpulkan lebih daripada 3 ribu lukisan pelbagai jenis bunga. Hasil karya beliau turut menjadi tumpuan peminat lukisan warna air untuk membeli dan memiliki lukisan tersebut. Malah, beliau juga turut membuka kelas melukis secara atas talian dengan menggunakan Facebook Private Group sebagai platform berkongsi ilmu dan bakat yang dimiliki. Sehingga kini, seramai 690 orang pelajar telah mengikuti kelas *online* yang dijalankan dan kebanyakan pelajar amat berpuas hati dengan ilmu yang dipelajari.



Sumber: Youtube Rina Ramly dan Artsbyrina

Penggunaan media sosial untuk menonjolkan bakat seni lukis dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran sesebuah hasil karya. Pelukis perlu bijak menghasilkan karya yang menjadi *trending* seperti watak komik atau anime dan *customized item* seperti kasut atau *tote bag*. Kemahiran menghasilkan video yang baik dan berkualiti serta kaedah penyampaian yang santai dan memiliki unsur humor juga dapat menarik lebih ramai pengikut. Oleh yang demikian, berbekalkan bakat yang dimiliki, para pelukis mampu untuk menarik ribuan pengikut sama ada untuk mendapatkan karya pelukis, mempelajari teknik penghasilan karya atau sebagai salah satu kaedah untuk mendapatkan ketenangan.

## Rujukan

- [1] <https://www.youtube.com/channel/UC75X84YxkXfoUbpqfiSxAjw>
- [2] <https://www.facebook.com/putrina>
- [3] <https://www.facebook.com/artsbyrina>

